

# MyDIGITAL wujud persekitaran kondusif jana peluang pekerjaan

Pada Jun tahun lalu, saya menulis di akhbar ini mengenai hasrat Putrajaya membawa pendigitalan dari Putrajaya ke desa. Ini perancangan besar.

Ekonomi digital semakin berkembang pesat menyediakan peluang cerah pada masa depan.

Kerajaan sedar masalah jurang digital khususnya di kawasan luar bandar. Kes Veveonah Mosibin yang memanjat pokok di Pitas, Sabah dan Nurlieda Khaleeda Mohd Azmi membina pondok di atas bukit di belakang rumah di Tanah Merah, Kelantan semata-mata untuk mendapatkan akses internet membuka mata semua pihak.

Kedua-dua mereka terpaksa berbuat demikian untuk menjawab soalan peperiksaan universiti masing-masing secara dalam talian.

Masalah capaian internet masih kecondongan walaupun berdasarkan statistik 90 peratus kawasan seluruh negara diliputi. Ada kawasan ditimbusi internet, tetapi kualitinya tidak baik.

Kesukaran mengakses internet bukan hanya di kampung, sebaliknya Putrajaya pun ada *blind spot*.

Di kawasan saya di Jeli, sekurang-kurangnya 13 kawasan bermasalah dengan liputan, antaranya tiada menara komunikasi atau menara komunikasi tidak berfungsi dengan baik, ditambah pula faktor geografi.

Biarpun sekolah dibuka semula bulan ini, perkhidmatan internet berkualiti penting kerana ia sebahagian norma baharu.

Peranti dibeli ibu bapa untuk anak mengikuti Pembelajaran dan Pengajaran Di Rumah (PdPR) bukan satu kerugian. Lebih banyak kaedah pembelajaran secara hibrid – bersemuka dan dalam talian akan dilaksanakan.

Peniaga juga menghadapi masalah sama. Ramai perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tiada akses kepada internet. Mereka juga memerlukan ilmu atau kemahiran untuk 'bermain' di dunia maya. Sekadar meletakkan barangan di aplikasi e-dagang dan laman sosial tidak memadai. Golongan ini harus menguasai kemahiran pemasaran dalam talian bagi memastikan produk ditawarkan kelihatan menarik.

Jurang digital juga wujud antara generasi lama dengan generasi muda. Hari ini sudah banyak transaksi dibuat di alam maya. Ini menyukarkan golongan berusia untuk berurusan.

Sebagai contoh, bank menutup banyak cawangannya dan beralih kepada perkhidmatan dalam talian atau menggunakan mesin. Ini tentunya sukar untuk mereka tidak fasih digital. Jurang ini memerlukan satu rangka tindakan

(blueprint) tersusun untuk diatasi kerana ia memerlukan penyelesaian holistik.

Digital bukan baharu di negara ini. Pada 1996, kerajaan memperkenalkan Koridor Raya Multimedia (MSC) membabitkan kawasan segi tiga bermula dari KLCC mengunjur ke Cyberjaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Beberapa dasar berkaitan teknologi maklumat atau digital dilancarkan. Untuk itu, Perdana Menteri melancarkan MyDIGITAL dan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia, 19 Februari lalu.

MyDIGITAL, asas untuk negara menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital dan ke arah mencapai pembangunan sosioekonomi inklusif, bertanggungjawab serta mampan sejajar Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030. Rangka tindakan ini untuk memastikan ekonomi negara terus kompetitif.

Unit Perancang Ekonomi (UPE) diberikan tanggungjawab merangka MyDIGITAL dan menubuhkan Pejabat Pengurusan Perubahan Strategik (SCMO) berfungsi sebagai pemantau pelaksanaannya. Rangka tindakan untuk tempoh hingga 2030 menggariskan beberapa sasaran. Perkara paling utama untuk rakyat khususnya golongan B40 dan M40 bagi merapatkan jurang.

Apa yang orang kampung dan golongan itu dapat daripada MyDIGITAL?

Pertama, kerajaan akan meningkatkan pembangunan infrastruktur digital bagi memastikan perkhidmatan internet dapat diakses di mana-mana sahaja. Insya-Allah menjelang 2025, setiap isi rumah mendapat akses internet. Tidak kira di mana mereka berada, peluang dan faedah daripada ekonomi digital dapat dimanfaatkan.

Pada masa kini, pembinaan infrastruktur digital giat dilaksanakan secara

menyeluruh melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA). Antara inisiatif membina 940 menara komunikasi baharu di bandar dan pinggir bandar untuk pembinaan gentian optik bagi meningkatkan kualiti serta liputan perkhidmatan jalur lebar.

Sejumlah RM21 bilion akan dilaburkan sepanjang lima tahun program JENDELA dan diharap menjadi penyelesaian kepada masalah capaian internet di luar bandar dan pedalaman, termasuk Sabah dan Sarawak.

Kedua, memastikan semua pelajar mendapat peranti untuk mengakses internet melalui program 'MY Device' menjelang penghujung 2025. Program ini akan dilaksanakan berperingkat bermula golongan B40.

Penggunaan peranti internet dalam pembelajaran amat penting bagi membudayakan digital sejak awal.

Ketiga, lebih banyak platform digital akan diwujudkan bagi memasarkan hasil pertanian dan PMKS secara terus kepada pelanggan, dari ladang terus ke atas meja. Ini meningkatkan hasil pendapatan petani, selain mengurangkan kos makanan untuk rakyat.

Di Kangar, Perlis, Juliydah Johari, usahawan jus jamu kunyit asam berjaya meningkatkan jualan purata RM8,300 sebulan selepas menyertai e-dagang, Agrobazaar Online. Sebelum ini, usahawan itu hanya meraih sekitar RM1,700 sebulan.

Bermula 2016, usahawan ini memulakan perniagaannya dari rumah secara kecil-kecilan, namun pada Mac 2019 'dipaksa' mengorak langkah mencuburkan diri dalam perniagaan digital disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menghalangnya berniaga secara bersemuka.

Begitu juga bagi Afrizan Arifin dari Kampung Gemang, Jeli menggunakan media sosial untuk memasarkan donat ke seluruh Kelantan. Biarpun tidak fasih digital sepenuhnya, dengan meng-

gunakan Facebook dan WhatsApp lelaki 44 tahun ini mencatatkan jualan purata RM400 sehari. Perniagaannya semata-mata dalam talian, tiada kedai fizikal.

Keempat, inisiatif kerajaan melalui MyDIGITAL berpotensi menarik pelaburan bernilai RM70 bilion untuk pembangunan infrastruktur digital. Selain itu, 500,000 pekerjaan baharu bakal diwujudkan menjelang 2025.

Justeru, hasil perniagaan berkembang maju akibat ekosistem ekonomi digital, selain mewujudkan peluang pekerjaan daripada meningkatkan kemahiran dan latihan kemahiran semula.

Kelima, digital melangkaui sempadan dan menghapuskan banyak kerena birokrasi dalam memasarkan produk di sesebuah negara. Bahkan, produk akan sampai terus ke tangan pengguna akhir tidak kira di mana mereka berada. Ini secara tidak langsung memangkinkan pertumbuhan industri lain seperti perkhidmatan logistik.

Asia Tenggara pasaran internet keempat terbesar dunia dengan 360 juta pengguna. Dengan peluang pasaran terbuka ini, kerajaan menyasarkan rangka tindakan ini menarik 875,000 PMKS menerima guna e-dagang. Sehingga kini, lebih 490,000 PMKS sudah menggunakannya.

Sebagai contoh, syarikat Tasneem Natural menjalankan perniagaan produk bayi berjaya meningkatkan hasil jualan hingga RM5 juta pada 2020 dan mempunyai 7,000 ejen serata Malaysia, Brunei dan Singapura selepas memanfaatkan platform e-dagang.


Aspek digital juga akan meningkatkan kecekapan kerajaan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Urusan dipermudahkan dan tidak perlu mengambil masa lama.

Namun, apa penting ialah kerjasama semua pihak, masyarakat dan swasta. Kerajaan tidak mampu melaksanakan secara bersendirian.

MyDIGITAL akan mewujudkan persekitaran amat kondusif untuk menjana lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan. Insya-Allah, selepas ini masalah dihadapi Veveonah dan Nurlieda tidak akan berlaku lagi.

Negara mempunyai asas kukuh dalam pendigitalan. Kita mula lebih awal daripada negara serantau. Potensi boleh dikembangkan lagi.

Cuma kita perlu bersama menggerakkannya. Kerajaan berusaha merapatkan jurang yang ada dan mewujudkan masyarakat fasih digital untuk masa hadapan.



Penulis adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)